**Publication: Berita Harian, p 02**
**Date: 15 October 2018**
**Headline: Rousing welcome for Asian Para Games athletes for coming home with 10 medals**

# Kepulangan atlit Sukan Para Asia dengan 10 pingat disambut meriah

## Presiden Halimah, PM Lee ucap tahniah atas kecemerlangan Team Singapore dalam APG 2018

**FAKHRURADZI ISMAIL**
mfismail@sph.com.sg



**WIRA NEGARA:** Atlit memanah wanita negara, Nur Syahidah Alim *(depan)*, selamat pulang ke tanah air bersama kontinjen negara yang bertanding di APG di Jakarta dengan disambut meriah oleh anggota keluarga dan penyokong di Terminal 2 Lapangan Terbang Changi semalam. – Foto BH oleh KELVIN CHNG

KEPULANGAN atlit negara yang menyertai Sukan Para Asia (APG) disambut meriah di Lapangan Terbang Changi semalam oleh penyokong dan anggota keluarga mereka.

APG ketiga yang berakhir kelmarin di Jakarta menyaksikan Team Singapore berjaya membawa pulang 10 pingat – tiga emas, dua perak dan lima gangsa.

Turut hadir di Terminal 2 bagi menyambut mereka ialah Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Cik Grace Fu.

Ketika ditemui pihak media, Cik Fu berkata:

"Mereka telah memberikan persembahan terbaik dalam pertandingan ini dan kita semua berasa sangat bangga dengan kejayaan mereka.

"Atlit kita telah meraih keputusan yang memberangsangkan untuk APG ini dan mereka menunjukkan bahawa dengan kerja keras dan kecekalan hati, ia mampu membawa kepada kejayaan di pertandingan peringkat serantau ini.

"Segala usaha mereka akhirnya membuahkan hasil. Tahniah sekali lagi buat atlit para kita."

Ini merupakan rekod terbaik Singapura di temasya sukan itu. Sebelum ini, Team Singapore hanya mampu merangkul satu emas, satu perak dan empat gangsa di sukan APG di Incheon pada 2014.

Team Singapore mengakhiri temasya sukan itu dengan berada di kedudukan ke-16 dalam senarai 43 pasukan yang bertanding.

Presiden Halimah Yacob turut mengucapkan tahniah kepada atlit Team Singapore atas pencapaian mereka di APG 2018.

Dalam satu catatan Facebook, Puan Halimah berkata kerja keras para atlit tersebut akhirnya membuahkan hasil dengan mencatatkan rekod peribadi baru di kejohanan itu.

Tambah beliau, ramai daripada mereka menunjukkan daya tahan hebat dengan mengatasi cabaran peribadi untuk mencapai kejayaan tersebut.

Presiden Halimah berkata para atlit itu menjadi sumber inspirasi kepada semua.

Dalam pada itu, beliau turut mengucapkan tahniah kepada srikandi renang negara, Yip Pin Xiu, kerana menjadi atlit Asia tunggal yang memenangi anugerah Atlit Wanita Terbaik World Para Series.

Selain Puan Halimah, Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, juga telah mengucapkan tahniah kepada kontinjen negara kerana telah mengibarkan bendera negara Singapura, menerusi Facebooknya.

Beliau berkata: "Atlit para kita merupakan inspirasi kepada semua warga Singapura. Setiap daripada kita mempunyai sesuatu yang istimewa untuk disumbangkan, tidak kira siapakah anda ataupun apa jua kebolehan anda ketika dilahirkan."

Mereka yang berjaya menggondol emas adalah atlit perenang negara, Yip, 26 tahun, dan Toh Wei Soong, 20 tahun.

Toh memenangi dua pingat emas dalam acara 50 meter gaya bebas S7 lelaki dan dalam acara 100 meter gaya bebas lelaki S7. Beliau juga memungut pingat gangsa dalam acara 100 meter kuak lentang S7.

Yip meraih pingat emas dalam acara 50 meter kuak lentang wanita S4 (1-4) selain merangkul dua pingat gangsa dalam acara 50 meter gaya bebas dan 100 meter gaya bebas S4 (1-4).

Pasukan Boccia yang diketuai oleh Nurulasyiqah Mohd Taha, berserta Toh Sze Ning dan Faye Lim memenangi pingat perak.

Mengulas tentang pencapaian tersebut, Nurulasyiqah berkata:

"APG tahun ini merupakan peluang untuk pasukan Boccia kita menebus kekecewaan yang dialami pada APG 2014 di mana kami hanya mampu melangkah ke peringkat separuh akhir.

"Pasukan kami telah memberikan yang terbaik dalam pertandingan ini dan ini adalah kejayaan yang amat saya banggakan," kata beliau.

Pelumba basikal negara, Emily Lee, dan juru pandunya, Sarah Tan, turut meraih gangsa dalam perlumbaan jalan raya sejauh 72 kilometer bagi wanita (B). Ia merupakan pingat sulung Singapura dalam acara berbasikal di APG.

Atlit boling negara, Diane Neo, juga telah mengharumkan nama negara setelah memenangi pingat perak dalam acara boling wanita, sementara Red Tan meraih pingat gangsa dalam acara boling lelaki di temasya sukan itu.

Sukan Para Asia akan datang bakal diadakan di bandar Hangzhou, China, pada 2022.

> "Mereka telah memberikan persembahan terbaik dalam pertandingan ini dan kita semua berasa sangat bangga dengan kejayaan mereka. Atlit kita telah meraih keputusan yang memberangsangkan untuk APG ini dan mereka menunjukkan bahawa dengan kerja keras dan kecekalan hati, ia mampu membawa kepada kejayaan di pertandingan peringkat serantau ini. Segala usaha mereka akhirnya membuahkan hasil. Tahniah sekali lagi buat atlit para kita."
>
> **– Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Cik Grace Fu.**